

[< Go back to Article Page](#)

[Print Article](#)

Zulfakar bukti keunggulan

BERITA HARIAN, 17 August 2003, Page 19

Zulfakar bukti keunggulan

Juara dunia tundukkan pesilat Indonesia
untuk pungut pingat emas tunggal negara

KEJOHANAN SILAT ASIA-PASIFIK

oleh

Saparin Rasidin

ZULFAKAR Mohamed Ramli membuktikan keunggulan sebagai juara dunia dengan memenangi pingat emas tunggal Singapura dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Pasifik di Manila semalam.

Dengan berbekalkan pengalaman dan keyakinan, pesilat harapan negara itu menundukkan Andi Irsan Anwar Icohong dari Indonesia 5-0 dalam pertandingan akhir Kelas C (55-60 kilogram).

Zul, yang telah menjuarai Terbuka Perancis dan Sijori, berjaya menjatuhkan lawannya tiga kali dalam pertarungan lima pusingan itu — sekali pada pusingan pertama dan dua kali pada pusingan ketiga.

Sungguhpun statistik menggambarkan kemenangan mudah, Zul menyifatkan pertandingan akhir tersebut tetap sengit.

Mengulas kejayaannya itu, Zul berkata: "Saya amat bersyukur kerana dapat memenuhi harapan negara untuk memenangi pingat emas dalam kejohanan ini.

"Pesilat Indonesia itu telah memberi tentangan hebat, tetapi saya berjaya mengawal dan menguasai permainan untuk mencapai kemenangan ini."

Andi merupakan pesilat pilihan utama Indonesia bagi kelas ini dan dijangka mengambil bahagian dalam Sukan SEA Vietnam Disember ini.

Menurut Zul, kemenangan tersebut menguatkan keyakinannya untuk menghadapi Sukan SEA,

tetapi beliau mengakui perlu terus bekerja keras, terutama mengekalkan berat badannya untuk terus bertanding dalam Kelas C.

Ketua jurulatih Singapura, Sheik Alauddin Ya-coob, berkata kemenangan Zul memang telah dijangkanya selepas memantau prestasi pesilat Indonesia itu sepanjang kejohanan ini.

“Zul telah menunjukkan prestasi yang baik sejak awal dan kemenangan ini memang telah saya duga,” jelas Sheik.

Bagaimanapun, beliau tidak puas hati dengan keseluruhan pencapaian pasukan, terutama kegagalan memenuhi matlamat memenangi empat pingat emas.

“Prestasi pesilat-pesilat kita dalam kejohanan di Manila ini adalah di bawah pencapaian yang diharapkan,” tegasnya. “Kami perlu lakukan sesuatu untuk mengelakkan keadaan berulang dalam Sukan SEA Vietnam nanti.”

Antara langkah yang akan diambilnya ialah merombak kelas beberapa pesilat untuk mencerdahkan harapan mereka di Vietnam nanti. Malah, Sheik tidak menolak kemungkinan ada pesilat yang akan digugurkan.

“Saya amat bersyukur kerana dapat memenuhi harapan negara untuk memenangi pingat emas dalam kejohanan ini.


Pesilat Indonesia itu telah memberi tentangan hebat, tetapi saya berjaya mengawal dan menguasai permainan untuk mencapai kemenangan ini.”

Zulfakar Mohamed Ramli

“Prestasi pesilat-pesilat kita dalam kejohanan di Manila ini adalah di bawah pencapaian yang diharapkan.

Kami perlu lakukan sesuatu untuk mengelakkan keadaan berulang dalam Sukan SEA Vietnam nanti.”

Ketua jurulatih Singapura, Sheik Alauddin Yacoob.



PUKULAN PENDEKAR: Zulfakir berjaya menjatuhkan lawannya tiga kali dalam pertarungan lima pusingan untuk memenangi pingat emas tunggal Singapura dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Pasifik di Manila semalam.

foto Fall